



**MUSA HITAM (empat dari kiri) bergambar bersama wakil dari negara-negara yang menyertai Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) 2015 di majlis penutupan forum tersebut di Kuala Lumpur, semalam.**

## WIEF 2016 diharap fokus PKS

**KUALA LUMPUR 5 Nov.** - Pengajutan Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) kali ke-12 tahun depan diharap akan terus memberikan penekanan terhadap sektor keusahawanan khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Pengerusi WIEF, Tun Musa Hitam berkata, walaupun PKS terus diperkasa dan dibincangkan dalam persidangan yang diadakan pada tahun ini, namun usaha berterusan perlu dilakukan bagi mengekalkan momentum sedia ada.

Jelas beliau, kebanyakan negara berlatar belakangkan PKS sebagai sumber utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi iaitu sebanyak 90 peratus.

“Pelbagai perbincangan juga

perlu diperkukuhkan pada forum akan datang bagi menarik minat orang ramai terutamanya golongan PKS untuk menyertainya,” katanya dalam sesi penutup WIEF ke-11 dan sesi menandatangani penyerahan tuan rumah WIEF ke-12 kepada Indonesia di sini hari ini.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung WIEF, Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak dan Menteri Kewangan Indonesia, Prof. Bambang P.S. Brodjonegoro.

Sementara itu, Ahmad Fuzi berkata, pada forum tahun ini, ekonomi Islam terus menjadi antara sistem ekonomi yang kukuh dan mempunyai peluang yang luas untuk diterokai terutamanya apabila Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dilaksanakan pada tahun depan.

Katanya, banyak usaha dan kejayaan telah dicapai pada forum kali ini khususnya dalam sektor PKS yang akan bertindak sebagai pemangkin utama dalam pertumbuhan ekonomi bersama.

“Selain itu, pendekatan yang lebih inovatif bersama-sama penyelesaian bagi pembangunan komuniti Islam bagi membiayai pengurusan krisis serta program kemanusiaan turut dicapai,” katanya.

Malah katanya, cadangan turut diberikan agar meneruskan mempromosikan sukuk pelaburan yang mapan dan bertanggungjawab (SRI) bagi mengurangkan masalah berkaitan makro-ekonomi sekali gus memberikan kembali kebaikan sosial kepada masyarakat.